



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF MENTERI
KANAN KERJA RAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)
KONTRAKTOR DAN PECAH TANAH BAGI PROJEK
MEMBINA MEDIAN, PUSINGAN U DAN KERJA-KERJA
BERKAITAN DI JALAN BATU PAHAT - AYER HITAM -
KLUANG FT050 DARIPADA PARIT SEMPADAN, BATU
PAHAT (SEKSYEN 21) HINGGA JAMBATAN MERENTASI
LEBUHRAYA PLUS (SEKSYEN 34.5)**

PADA 11 NOVEMBER 2021, KHAMIS

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan
Malaysia

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif Kehormat

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil Media Massa

Yang Berbahagia Dato'-dato', Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya jua kita dapat mengadakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Dan Pecah Tanah Bagi Projek Membina Median, Pusingan U Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Batu Pahat - Ayer Hitam - Kluang FT050 Daripada Parit Sempadan, Batu Pahat (Seksyen 21) Hingga Jambatan Merentasi Lebuhraya Plus (Seksyen 34.5).

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia kerana sudi hadir untuk bersama-sama menyempurnakan majlis kita pada hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Di dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM135 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Johor. Salah satu projek infrastruktur yang akan dinaiktaraf ialah Projek Pembinaan

Pembahagi Jalan Dan Pelebaran Jalan Di Laluan FT050 Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam – Kluang.

4. Fasa 3A: Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT050 Daripada Parit Sempadan (Seksyen 21) Ke Jambatan Merentasi Lebuhraya Plus (Seksyen 34.5) merupakan kesinambungan daripada fasa yang telah disiapkan sebelum ini. Fasa 1: Pelebaran Jalan FT050 Daripada Seksyen 7 (Batu Pahat Sehingga Seksyen 49 (Kluang) FT050 (Daerah Kluang) telah disiapkan pada 9 April 2004 tanpa median dan pusingan U dan didapati kemalangan kerap berlaku setelah jalan tersebut digunakan oleh pengguna.

5. Lanjutan itu, Fasa 2: Membina Pusingan U Dan Median Kerb Di Jalan FT050 Daripada Seksyen 7 Sehingga Seksyen 21 (Sekolah Menengah Tun Aminah Ke Parit Sempadan) telah disiapkan pada 25 Oktober 2012 bagi mengatasi permasalahan tersebut. Pelaksanaan pembinaan median dan pusingan U secara berfasa di sepanjang jalan FT050 juga dirancang untuk dilaksanakan di dalam RMKe-12 melibatkan Fasa 3B iaitu Membina Bahu Jalan, Median, Pusingan U Dan Kerja-Kerja Berkaitan Daripada Seksyen 35 (Persimpangan Plaza Tol Ayer Hitam) Ke Seksyen 49 (Stadium Kluang).

6. Untuk makluman, Jalan Persekutuan FT050 ini adalah jalan utama tanpa tol yang menghubungkan Daerah Batu Pahat hingga ke Kluang. Keperluan projek ini adalah sangat mendesak dan penting bagi mengurangkan jumlah kemalangan maut dan parah di sepanjang jajaran ini yang direkodkan sebagai lokasi kemalangan tertinggi di Malaysia disebabkan oleh ketiadaan median dan bahu jalan. Dari tahun 2015 sehingga 2020, terdapat sejumlah 405 kemalangan dengan 227

kemalangan maut dicatatkan di laluan FT050. Jumlah kemalangan maut ini amat membimbangkan dan aspek keselamatan di jalan ini amat diperlukan untuk mengurangkan kadar kemalangan.

7. Laluan yang menghubungkan Pekan Parit Raja ke Plaza Tol Ayer Hitam ini juga direkodkan sebagai laluan berkapasiti tinggi dan sering berlaku kesesakan teruk terutama pada musim cuti perayaan. Kajian trafik yang dijalankan pada tahun 2020 merekodkan 28,298 trafik dalam masa 16 jam dan 2,279 trafik dalam waktu puncak 1700-1800. Jumlah trafik di laluan ini adalah tertinggi di Daerah Batu Pahat berbanding kawasan lain di daerah yang sama.

8. Atas faktor keselamatan dan trafik semasa, Kerajaan Persekutuan telah memberi keutamaan dan bersetuju meluluskan sebanyak RM250 juta untuk menaiktaraf laluan FT050 dari Seksyen 21 sehingga Seksyen 34.5 dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Lokasi yang terlibat adalah Daerah Batu Pahat sehingga ke Daerah Ayer Hitam.

9. Antara skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini ialah pembinaan pembahagi jalan sepanjang 13.5 kilometer dengan 3 pusingan U untuk kenderaan berat, pelebaran bahu jalan sedia ada dari jalan tunggal 4 lorong kepada jalan berkembar 4 lorong 13.5 kilometer, menaiktaraf 5 persimpangan (Persimpangan Parit Sempadan, Pekan Parit Raja, Parit Botak, Pekan Ayer Hitam dan Bandar Baru Ayer Hitam), membina tiga jejantas baru untuk pejalan kaki dan laluan motosikal dan menaiktaraf sistem perparitan dan pembentung sedia ada.

Hadirin yang dihormati,

10. Kementerian Kerja Raya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia terutamanya penduduk di kawasan Ayer Hitam yang sememangnya menanti-nantikan projek ini bagi mengurangkan kadar kemalangan dan mengatasi masalah kesesakan trafik di jalan persekutuan sedia ada di Pekan Ayer Hitam. Diharapkan jumlah kemalangan di laluan FT050 dapat dikurangkan dengan drastik selepas projek ini disiapkan kelak.

11. Projek naiktaraf laluan FT050 merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur terbaik kepada Keluarga Malaysia terutamanya kepada penduduk di kawasan Batu Pahat dan Ayer Hitam. Kesenambungan naiktaraf jalan raya ini akan melancarkan pergerakan trafik keluar masuk ke kawasan perindustrian, komersial, institusi pengajian dan jabatan kerajaan serta kawasan-kawasan perumahan di sekitarnya.

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini. Dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya merasmikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Dan Pecah Tanah Bagi Projek Membina Median, Pusingan U Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Batu Pahat - Ayer Hitam - Kluang FT050 Daripada Parit Sempadan, Batu Pahat (Seksyen 21) Hingga Jambatan Merentasi Lebuhraya Plus (Seksyen 34.5).

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah
hiwabarakatuh. Terima kasih.